

02 OCT 1996

Mohamed-Kelantan

PEMIMPIN UMNO DI LUAR KELANTAN DILARANG SERTAI PERHIMPUNAN ESOK

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Para pemimpin Umno di luar Kelantan tidak dibenarkan menyertai Perhimpunan Penyatuan Melayu di Kota Baharu esok bagi mengelakkan ia menjadi tempat berkempen menjelang perhimpunan agung Umno minggu depan.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat berkata keputusan itu dibuat oleh Majlis Tertinggi Umno dengan mengambil kira bahawa perhimpunan itu merupakan acara untuk orang Kelantan.

"Kita telah putuskan biarlah ini menjadi suatu 'event' (acara) untuk orang Kelantan...semua menteri, ahli majlis tertinggi dan menteri besar di luar Kelantan tidak dibenarkan ikut serta dalam perhimpunan esok," katanya kepada pemberita di Angkasapuri hari ini.

"Ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin Umno atau ahli Majlis Tertinggi Umno dari Kelantan boleh menghadirinya, yang di luar Kelantan dilarang kerana dikhuatiri ini akan dijadikan tempat untuk mereka berkempen," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berucap pada perhimpunan itu yang dianggap bersejarah kerana dianjurkan bersama Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan Umno Kelantan.

Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah juga akan berucap pada perhimpunan itu di Padang Sekolah Kebangsaan Padang Garong bermula 4 petang.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) akan menyiarkan secara langsung perhimpunan itu.

"Kita fikir ini satu peristiwa penting yang mengarahkan kepada perpaduan Melayu yang akan ada kesan positif dalam menstabilkan lagi keadaan politik negara," katanya.

S46 akan mengadakan mesyuarat agung khas di sini Ahad ini bagi mendapatkan mandat daripada anggota-anggota untuk membubarkan parti sebelum mereka menyertai semula Umno.

Parti itu merancang menyerahkan 200,000 borang permohonan menyertai Umno pada 8 Okt ini. Perhimpunan Agung Umno diadakan dari 9 hingga 12 Okt.

-- BERNAMA

AZZ MAI